

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI FARMASI

PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

SHARIZA BINTI SAHUDIN

KETUA UNIT KUALITI :

NURUL IZZATI BINTI OSMAN

PENYELARAS :

SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN

PENULIS :

1. NORAZLINA BINTI AHMAD
2. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
3. NURUL IZZATI BINTI OSMAN
4. AISYAH HASYILA BINTI JAHIDIN
5. GURMEET KAUR A/P SURINDAR SINGH
6. KHURIAH BINTI ABDUL HAMID
7. MASHANI BINTI MOHAMAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan Kanan berfungsi sebagai tunggak utama dalam menjayakan bidang penyelidikan yang menjadi teras kekuatan Fakulti Farmasi. Pengurusan Kanan fakulti diterajui oleh Dekan Fakulti dan disokong oleh empat (4) Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan (Akademik), Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi), Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) dan Timbalan Dekan (Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan). Pengurusan kanan turut dibantu oleh Timbalan Pendaftar, empat (4) Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Program, dan Timbalan Pegawai Sains. Fakulti berdiri di atas falsafah utama untuk menjadi 'Pemacu Kehidupan Berkualiti' dan diinspirasikan oleh teras utama fakulti iaitu menyediakan penawaran program farmasi sehingga ke peringkat kesarjanaan serta penyelidikan yang berterusan.

Dalam usaha memastikan bidang tumpuan penyelidikan berada di tahap yang cemerlang, Kepimpinan Kanan mengambil inisiatif untuk melestarikan aspirasi ini melalui perancangan strategik yang mapan dan berkesan. Menerusi perancangan strategik yang dirangka ini, fakulti mensasarkan peningkatan prestasi penyelidikan yang mencakupi aspek penerbitan, pemerolehan geran, penyelidikan pascasiswazah, inovasi, konsultasi, pemfailan paten dan pengkomersialan dapat dicapai. Usaha ini diterjemahkan dalam satu inisiatif utama berorientasikan penyelidikan yang komprehensif iaitu "*Research & Innovation: Strive for Excellence (RISE)*". Perancangan ini turut didukung dengan sasaran-sasaran berkaitan penyelidikan yang ditetapkan dalam Objektif Kualiti fakulti. Melalui inisiatif dan objektif strategik ini, fakulti telah merangka beberapa rancangan dan aktiviti untuk menggerakkan usaha meningkatkan prestasi penyelidikan fakulti dalam pelbagai aspek agar berada di tahap yang cemerlang.

Berdasarkan perancangan yang telah dirangka menerusi objektif dan inisiatif strategik ini, pelbagai aktiviti telah disusun dan dijalankan dengan jayanya bagi menggerakkan usaha dalam bidang tumpuan. Bagi meningkatkan prestasi penyelidikan, beberapa usaha telah dilaksanakan secara konsisten seperti bengkel penulisan artikel, kertas cadangan permohonan geran penyelidikan, konferensi antarabangsa dan kolaborasi penyelidikan, webinar atas talian, serta pertandingan inovasi dan reka cipta. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan dengan jayanya hasil dari kerjasama dan komitmen padu yang diberikan oleh Jawatankuasa Penyelidikan diketuai oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi). Jawatankuasa ini berfungsi sebagai penggerak utama dalam merealisasikan perancangan-perancangan yang dirangka dengan baik oleh Kepimpinan Kanan fakulti.

Prestasi penyelidikan fakulti dipantau dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang perlu ditambah baik. Pemantauan ini dilaksanakan dengan mengenalpasti kelemahan-kelemahan dan masalah dalam pelaksanaan dan pencapaian yang disasarkan bagi tujuan penambahbaikan. Proses ini dijalankan dalam siri-siri mesyuarat yang berkaitan. Selain itu sebarang maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pemain industri turut diambil kira dalam proses pemantauan ini bagi memastikan pencapaian penyelidikan fakulti berada pada tahap kecemerlangan yang disasarkan.

Penambahbaikan berterusan dalam bidang penyelidikan adalah antara fokus terpenting yang ditekankan oleh Kepimpinan Kanan. Pendekatan ini memastikan agar pengurusan dan pembangunan penyelidikan di fakulti dapat dilaksanakan dengan efisien dan lebih bersistematik. Penggunaan teknologi yang besesuaian sentiasa diaplikasikan agar prestasi pengurusan penyelidikan dapat ditambahbaik. Selain itu, sebarang kekurangan dalam pencapaian penyelidikan diberikan fokus untuk diberi perhatian yang sewajarnya agar langkah-langkah peningkatan prestasi yang relevan dapat diambil.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam memastikan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan, pelbagai pendekatan telah diambil oleh Kepimpinan Kanan fakulti sebagai inisiatif untuk menggerakkan dan merencanakan aktiviti penyelidikan. Ini diterjemahkan dengan menggariskan beberapa inisiatif penting berkaitan penyelidikan dalam perancangan strategik fakulti. Inisiatif bertemakan "*Research & Innovation: Strive for Excellence (RISE)*" berdasarkan Pelan Strategik 2016-2020 dengan fokus yang terarah kepada aktiviti penyelidikan di Fakulti Farmasi telah digunapakai dalam menyediakan pendekatan penyelidikan yang komprehensif. Ini mencakupi aktiviti penerbitan, pemerolehan geran penyelidikan, galakan terhadap kecemerlangan penyelidikan pelajar pascasiwazah, serta inisiatif peningkatan hasil inovasi dan harta intelek dalam usaha menggalakkan pengkomersialan hasil penyelidikan (**Lampiran 1.2a**).

Selain itu, Kepimpinan Kanan bersama Unit Pengurusan Kualiti fakulti turut memberi penekanan dalam memastikan kecemerlangan penyelidikan. Ini dilaksanakan menerusi penetapan sasaran penerbitan, pemerolehan geran penyelidikan dan sasaran jumlah pelajar pascasiswazah dengan mod penyelidikan dalam Objektif Kualiti fakulti (**Lampiran 1.2b**). Usaha ini dilihat sebagai satu pendekatan yang membudayakan aktiviti penyelidikan bukan hanya dalam kalangan pensyarah tetapi juga para pelajar. Di samping itu, kerjasama erat antara fakulti dan Perpustakaan Tun Abdul Razak turut dijalin dalam usaha menjadikan aktiviti penyelidikan mendapat sokongan mapan bukan sahaja dari segi fasiliti kajian seperti penyediaan makmal penyelidikan tetapi juga dari segi dapatan maklumat menerusi akses kepada bahan bacaan, sumber rujukan, teknologi dan akses kepada pangkalan data jurnal-jurnal penyelidikan terkini yang diperakui kualiti serta keabsahannya (**Lampiran 1.2c**).

Bagi memastikan kelancaran dalam pengurusan dan pengendalian aktiviti penyelidikan, jawatankuasa penyelidikan turut ditubuhkan di bawah kepimpinan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi). Jawatankuasa ini turut memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan aktiviti penyelidikan fakulti agar berjalan dengan lancar dan efektif. Jawatankuasa ini juga terlibat dalam pelaksanaan aktiviti untuk memperkasakan penyelidikan di fakulti seperti penganjuran bengkel, webinar dan sebagainya (**Lampiran 1.2d**).

Kolaborasi penyelidikan adalah antara elemen terpenting dalam merangka pendekatan yang efektif. Ini turut diberi penekanan oleh Kepimpinan Kanan dengan memastikan hubungan dan interaksi positif dibina antara pihak fakulti dengan pihak pengurusan dan pembangunan penyelidikan juga institusi penyelidikan UiTM seperti Institute of Research Management & Innovation (IRMI), Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM) dan Centre of Excellence (CoE). Pemerkasaan penyelidikan turut digiatkan dengan kolaborasi bersama pelbagai institusi serta pemain industri seperti Institut Penyelidikan dan Pengajian Tinggi luar dan dalam negara, syarikat multinasional, kementerian, badan professional dan syarikat berkaitan/milik kerajaan (GLC). Pendekatan ini menyediakan platform penting bagi memastikan aktiviti penyelidikan di fakulti adalah mematuhi peraturan yang digariskan UiTM dan kekal relevan seiring dengan perkembangan semasa industri.

Menyedari kepentingan sokongan berbentuk penghargaan dalam meningkatkan prestasi dan motivasi setiap warga, antara pendekatan yang diambil oleh Kepimpinan Kanan dalam menyuntik semangat penyelidikan serta galakan dalam kalangan warga fakulti untuk menggembleng tenaga dan kesungguhan dalam penyelidikan juga adalah dengan memberi penghargaan berupa ucapan tahniah menerusi emel kepada warga fakulti yang berjaya dalam mencapai kecemerlangan penyelidikan. Ini telah dilaksanakan terutamanya dalam menghargai pencapaian cemerlang warga fakulti dalam pemerolehan geran penyelidikan. Penghargaan ini dilihat sebagai sebuah pendekatan yang diambil oleh Kepimpinan Kanan fakulti dalam memberi sokongan dan dukungan emosi agar setiap pencapaian dapat dihargai dengan sewajarnya (**Lampiran 1.2e**).

SENARAI BUKTI:

1. [1.2a Perancangan Strategik RISE 2019.pdf](#)
2. [1.2b Objektif Kualiti FPH 2020.pdf](#)
3. [1.2c Sesi bersama PTAR dan FPH.pdf](#)
4. [1.2d Mesy Ahli Jawatankuasa Penyelidikan.pdf](#)
5. [1.2e Emel Hebahan Poster Tahniah \(Geran 2020\)-.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Menerusi perancangan strategik fakulti, terdapat empat elemen inisiatif strategik penting di bawah inisiatif utama *Research & Innovation: Strive for Excellence (RISE)* yang dirangka khusus untuk memberi fokus kepada bidang penyelidikan. Inisiatif RISE ini menekankan pembudayaan penghasilan penerbitan melalui inisiatif strategik *Publish to Flourish*, menggalakkan pemerolehan geran penyelidikan berdasarkan inisiatif strategik *Grant Acquisition (GAIN)*, memastikan pelajar pascasiswazah (terutamanya mod penyelidikan) mencapai status bergraduasi dalam masa dengan inisiatif strategik *Grad-Set-Go* dan melaksanakan usaha untuk meningkatkan hasil inovasi, harta intelek, konsultasi dan pengkomersialan menerusi pakej inisiatif strategik *Innovate and Monetize Your Product (IMPro)*.

Pelbagai aktiviti berteraskan kecemerlangan penyelidikan telah dijalankan berdasarkan inisiatif RISE ini. Sebagai contoh, bagi inisiatif strategik *Publish to Flourish*, bengkel penulisan artikel dan siri webinar penulisan artikel berbentuk *systematic review* telah dianjurkan oleh pihak fakulti (**Lampiran 1.3.a**). Selain itu, sebagai usaha meningkatkan penghasilan penerbitan, hasil penyelidikan Projek Tahun Akhir (FYP) para pelajar turut dihasilkan dalam bentuk manuskrip yang berpotensi untuk diterbitkan dalam jurnal. Menerusi penetapan Objektif Kualiti juga, para pelajar pasca siswazah turut disasarkan untuk menghasilkan penerbitan berdasarkan dapatan kajian mereka. Selain itu, untuk memperkasakan pelajar pascasiswazah dengan kemahiran menganalisis data kajian penyelidikan, bengkel statistik turut dianjurkan sebagai salah satu usaha berterusan dalam meningkatkan prestasi penyelidikan warga fakulti (**Lampiran 1.3b**). Kepimpinan Kanan turut mengetengahkan usaha menggiatkan aktiviti penerbitan ini dengan penubuhan jurnal fakulti *International Journal of Pharmaceuticals, Nutraceuticals and Cosmetic Science* yang turut melibatkan kolaborasi kepakaran bersama barisan editor daripada beberapa universiti luar negara seperti Jepun, India, Sri Lanka, Filipina, Indonesia dan Thailand (**Lampiran 1.3c**).

Sebagai salah satu elemen terpenting dalam aktiviti penyelidikan, pemerolehan geran diberikan penekanan yang cukup intensif oleh pihak fakulti. Menerusi inisiatif strategik *GAIN*, para pensyarah digalakkan untuk memohon pelbagai geran penyelidikan untuk kelestarian aktiviti penyelidikan di fakulti. Bengkel penulisan kertas cadangan penyelidikan untuk permohonan geran turut dianjurkan untuk berkongsi tips dan langkah-langkah penting dalam meningkatkan kualiti permohonan geran penyelidikan yang dimajukan.

Idea inovasi turut diberi perhatian sebagai salah satu elemen penyelidikan. Fakulti mengambil langkah proaktif dalam merencanakan idea inovasi untuk diketengahkan melalui penganjuran pertandingan rekacipta dan inovasi Pharm-IIDEx. Melalui penganjuran ini, warga fakulti diberikan platform untuk mengetengahkan idea inovasi kajian mereka. Pada tahun 2020, program ini tetap diteruskan dengan penganjuran Pharm-IIDEx secara atas talian berikutan pandemik yang melanda negara. Ini menunjukkan keseriusan Kepimpinan Kanan fakulti dalam membudayakan aktiviti penyelidikan dan inovasi sebagai kekuatan utama (**Lampiran 1.3d**).

Kolaborasi penyelidikan turut membawa impak positif dalam penyelidikan dengan penganjuran konferensi antarabangsa bersama jaringan kolaborasi yang dijalinan oleh fakulti dengan universiti luar negara. Melalui inisiatif ini, kebolehtampakan fakulti khususnya dan UiTM amnya dalam bidang penyelidikan dapat ditingkatkan dan sekaligus membuka peluang kepada fakulti untuk meningkatkan mutu penyelidikan dan kolaborasi antarabangsa dengan lebih meluas lagi (**Lampiran 1.3e**).

SENARAI BUKTI :

1. [1.3a Bengkel & Webinar Penulisan Artikel.pdf](#)
2. [1.3b Kursus Statistik Pascasiswazah.pdf](#)

3. [1.3c Jurnal Farmasi for NACO.pdf](#)
4. [1.3d Pharm-IIDEx 2020.pdf](#)
5. [1.3e Konferensi & Kolaborasi Penyelidikan 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Barisan Kepimpinan Kanan fakulti melaksanakan pemantauan berterusan bagi inisiatif penyelidikan dari semasa ke semasa menerusi beberapa pelan tindakan yang sistematik. Pemantauan tentang perkembangan aktiviti penyelidikan dijalankan melalui pembentangan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) dalam Mesyuarat Fakulti dan Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Selain itu, mesyuarat Ahli Jawatankuasa Penyelidikan turut dijalankan untuk membincangkan hal-ehwal penyelidikan selain menjadi platform bagi pemantauan kemajuan proses penyelidikan pelajar pascasiswazah mod penyelidikan (**Lampiran 1.4.1a**).

Bagi membincangkan perkara berkaitan operasi makmal, beberapa mesyuarat juga diatitkan secara berkala mengikut keperluan bersama staf makmal. Mesyuarat-mesyuarat ini antara lain membincangkan hal-ehwal pembelian peralatan dan bahan yang diperlukan dalam operasi makmal untuk kegunaan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan serta perancangan dalam aktiviti penyelidikan (**Lampiran 1.4.1b**).

Sebagai salah satu usaha memastikan kualiti kertas kerja permohonan geran penyelidikan berada di tahap yang baik dan memuaskan, fakulti turut mengambil inisiatif melantik panel penilai dalaman untuk geran penyelidikan di kalangan warga fakulti yang berpengalaman (yang terdiri daripada Profesor dan Profesor Madya) untuk memberi maklum balas dalam usaha menambahbaik dan memurnikan kertas-kertas cadangan tersebut.

Fakulti juga terbuka menerima sebarang maklum balas sebagai salah satu usaha pemantauan aktiviti penyelidikan daripada pihak-pihak berkepentingan dan menerima baik aduan pelanggan melalui sebarang platform yang relevan. Ini termasuklah menerusi aplikasi media sosial dan aduan secara terus kepada pihak fakulti.

SENARAI BUKTI:

1. [1.4.1a Contoh Agenda Mesyuarat JK Penyelidikan.pdf](#)
2. [1.4.1b Senarai Mesyuarat Berkaitan Penyelidikan FPH.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan Kanan menyedari wujudnya risiko-risiko serta kekangan dalam menjalankan inisiatif-inisiatif yang dirangka. Justeru, beberapa langkah telah diambil dalam menangani kelemahan dan risiko-risiko tersebut. Dalam menangani risiko kurangnya pencapaian dalam hasil penerbitan, pihak fakulti telah mengambil inisiatif menganjurkan webinar atau bengkel penulisan artikel untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran penulisan.

Selain itu, penganjuran konferensi oleh pihak fakulti turut membuka peluang warga fakulti untuk turut serta. Ini berfungsi sebagai platform untuk mengetengahkan dapatan kajian para pensyarah dan pelajar pascasiswazah dan seterusnya memberi peluang agar kolaborasi penyelidikan dapat ditingkatkan (**Lampiran 1.4.2a**). Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan turut menjadi medium bagi pembentangan perkembangan kajian sebahagian para pelajar pascasiswazah agar masalah dalam perkembangan kajian mereka dapat diatasi dan diberi solusi yang sewajarnya.

Hebahan maklumat dalam melaksanakan inisiatif strategik fakulti tidak hanya dilakukan secara umum. Untuk memastikan inisiatif ini dimaklumi oleh setiap warga fakulti dan para pensyarah khususnya, penekanan terhadap keperluan meningkatkan hasil penyelidikan turut dipastikan dapat disampaikan secara khusus dengan penghasilan poster penetapan sasaran berkaitan penyelidikan di sekitar bangunan fakulti dan di setiap bilik pensyarah (**Lampiran 1.4.2b**).

Keterbatasan aktiviti penyelidikan yang tercetus disebabkan penularan wabak pandemik Covid-19 juga ditangani dengan baik oleh fakulti dengan penganjuran beberapa siri webinar secara atas talian. Melalui webinar-webinar tersebut, kajian-kajian dan pengalaman penyelidikan warga fakulti di kalangan para pensyarah khususnya dapat dikongsikan dengan lebih meluas. Peluang menggunakan medium atas talian untuk capaian dan interaksi yang lebih luas digunakan oleh fakulti dengan sebaiknya dengan penganjuran beberapa siri kolaborasi dan konferensi bersama beberapa Institut Pengajian Tinggi luar negara. Selain itu, pertandingan inovasi Pharm-IIDEx turut dijalankan secara atas talian buat julung kalinya dan menerima penyertaan sehingga ke peringkat antarabangsa (**Lampiran 1.4.2c**).

SENARAI BUKTI :

1. [1.4.2a Penyertaan Pelajar Pascasiswazah dalam Joint Conferences 2019.pdf](#)
2. [1.4.2b Sasaran Penyelidikan & Pencapaian Staff.pdf](#)
3. [1.4.2c Webinar Anjuran FPH 2020.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan sentiasa berusaha untuk memastikan terdapatnya penambahbaikan dalam pengurusan dan pembangunan penyelidikan. Fakulti turut memanfaatkan perkembangan teknologi agar pengurusan penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih efisien dan sistematik. Sebagai contoh, untuk memastikan pengurusan makmal dapat dijalankan dengan lebih baik, sistem rekod yang menggunakan cara kerja manual telah ditingkatkan dengan penggunaan sistem berkomputer untuk akses kepada data yang lebih mudah, jimat, mesra alam dan membolehkan proses pengemaskinian rekod dapat dilakukan dengan lebih baik (**Lampiran 1.4.3a**).

Di samping itu, rekod penerbitan, geran penyelidikan, konsultasi dan pemfailan paten yang dicapai oleh fakulti dikemaskini sebaiknya secara berkala oleh Kepimpinan Kanan diketuai oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) bagi mengenal pasti tahap pencapaian fakulti dari semasa ke semasa. Ini juga penting untuk merangka sebarang aktiviti atau perancangan yang perlu diambil untuk penambahbaikan prestasi. Melalui analisa berkala ini, pelbagai inisiatif dan aktiviti untuk menggiatkan aktiviti penyelidikan telah dilaksanakan seperti bengkel penulisan artikel, permohonan geran penyelidikan, webinar, pertandingan inovasi, reka cipta, konferensi dan kolaborasi penyelidikan.

Sebagai salah satu usaha meningkatkan prestasi penyelidikan dan memastikan fakulti berada di tahap pencapaian penyelidikan yang global, Kepimpinan Kanan turut memastikan terdapat staf yang menjalani program sangkutan penyelidikan di institusi penyelidikan atau pengajian tinggi di luar negara (**Lampiran 1.4.3b**). Melalui peluang ini, fakulti dapat menghasilkan output penyelidikan yang lebih baik dan memberi impak yang signifikan kepada fakulti khususnya. Usaha peningkatan prestasi penyelidikan dan ilmu ini turut memberi impak positif terhadap universiti dan masyarakat umum secara keseluruhannya.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4.3a Rekod Data Makmal.pdf](#)
2. [1.4.3b Sangkutan Penyelidikan Postdoctoral-compressed.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penyampaian maklumat dilaksanakan melalui Mesyuarat Pengurusan dan diambil maklum oleh setiap Ketua Jabatan. Hebahan kepada semua warga fakulti dipastikan untuk diterima oleh semua menerusi penyampaian melalui ketua-ketua jabatan dan pemakluman melalui email. Selain itu, hebahan melalui aplikasi media sosial seperti WhatsApp bagi setiap jabatan juga digunakan untuk penyampaian maklumat yang menyeluruh.

Penyertaan warga fakulti daripada setiap jabatan dalam pelbagai inisiatif strategik kecemerlangan penyelidikan dapat dicapai dengan komunikasi yang efisien dan bersepadu. Konferensi dan kolaborasi antarabangsa yang dijalankan oleh fakulti sebagai contohnya menekankan penyertaan anggota daripada setiap jabatan dalam pembentangan penyelidikan. Dengan usaha ini, capaian terhadap kolaborasi penyelidikan dapat diperluaskan dalam meningkatkan mutu penyelidikan bagi setiap jabatan.

Antara usaha penting yang dilaksanakan Kepimpinan Kanan dalam menggerakkan jabatan bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik bidang penyelidikan adalah dengan pelantikan Penyelaras Penyelidikan bagi setiap jabatan dan bahagian. Barisan penyelaras ini bertindak sebagai pemudahcara bagi jabatan masing-masing dalam melaksanakan agenda penyelidikan yang dirangka oleh fakulti. Dengan penubuhan jawatan ini, penyampaian maklumat dan penyertaan menyeluruh daripada setiap jabatan dalam inisiatif strategik fakulti dilihat lebih berkesan (**Lampiran 1.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [1.5 Contoh Lantikan Jawatankuasa Penyelidikan-compressed.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Farmasi (FPH) telah sedaya upaya berusaha agar wawasan fakulti sentiasa selari dengan aspirasi universiti untuk menjadi Universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan menjelang 2018, Universiti Tersohor pada tahun 2020 dan Universiti Terkemuka menjelang tahun 2025. Justeru itu, selain berpaksikan misi dan visi FPH, Pelan Perancangan Strategik FPH 2016-2020 telah digarap dengan berpandukan kepada Pelan Strategik RMKe-11 UiTM 2016-2020 dan juga UiTM2025. Penyediaan dokumen Perancangan Strategik 5 tahun (2016-2020) ini telah disempurnakan semasa bengkel Perancangan Strategik FPH pada 7 hingga 9 Januari 2016. Antara fokus bengkel yang telah disertai oleh pengurusan kanan fakulti dan beberapa ahli utama ini adalah memikirkan hala tuju strategik dan tumpuan utama fakulti untuk jangkamasa lima (5) tahun serta menambahbaik objektif kualiti fakulti. Hasil pertemuan strategik tersebut telah dikomunikasikan kepada semua anggota fakulti, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Dokumen Perancangan Strategik 5 Tahun FPH (2016-2020) ini sentiasa disemak semula setiap tahun bagi memastikan hala tuju fakulti sentiasa selari dengan hala tuju universiti dan relevan dengan situasi dan kepentingan semasa. Selain itu, satu bengkel khas untuk membincangkan mengenai perancangan strategik penyelidikan telah diadakan. Hasil daripada bengkel tersebut, lapan (8) kluster penyelidikan telah dikenalpasti bagi memberi hala tuju yang jelas ke arah mencapai sasaran bidang tumpuan dan meningkatkan aktiviti penyelidikan di FPH.

Bagi mencapai objektif strategik fakulti berkaitan penyelidikan dan inovasi, inisiatif strategik yang diberi nama *Research & Innovation: Strive for Excellence (RISE)* yang diterajui oleh Dekan FPH telah dibentuk. Inisiatif ini dipertanggungjawabkan kepada Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi selaku Pengarah Program. Di bawah inisiatif ini, beberapa projek utama telah dirangka dan setiap projek ini mempunyai seorang Pengurus Projek dan beberapa orang ahli pasukan. Setiap projek ini juga dipetakan kepada petunjuk prestasi (PI) yang telah digariskan dalam hala tuju strategik fakulti dan selaras dengan petunjuk prestasi (PI) utama BTU. Sepanjang tahun 2019 hingga 2020, pelbagai aktiviti telah dijalankan melibatkan seluruh warga fakulti dan juga masyarakat.

Pemantauan inisiatif strategik dan projek-projek utama dijalankan secara berkala. Setiap bulan, Pengarah Program bertanggungjawab untuk memuatnaik pencapaian bagi setiap PI untuk dibentangkan secara berkala kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Menerusi mesyuarat ini, langkah penambahbaikan dibincangkan bagi PI yang belum dicapai, manakala langkah pemerkasaan dibincangkan untuk PI yang telah dicapai. Menerusi pemantauan ini, langkah penambahbaikan sentiasa dijalankan bagi memastikan setiap objektif yang digariskan dapat dicapai.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPH sentiasa berusaha untuk mendokong aspirasi UiTM. Antaranya untuk menjadi universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan menjelang 2018, Universiti Tersohor pada tahun 2020 dan terkini untuk menjadi universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Bagi memperkasakan agenda ini, lima (5) Pernyataan Hala Tuju Strategik Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan telah digariskan seperti berikut:

- Universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan melalui pemantapan kurikulum akademik yang disepadukan dengan nilai keusahawanan dan penyelidikan di peringkat siswazah dan pasca-siswazah.
- Profesor tersohor yang memiliki ciri-ciri kepimpinan intelek dalam hal penyelidikan serta pengajaran dan pembelajaran.
- Penyelidik terkehadapan yang diiktiraf hasil penyelidikan melalui bidang-bidang tujahan, perolehan geran antarabangsa dan penerbitan ilmiah.
- Graduan siswazah dan pasca-siswazah yang mantap kerohaniannya profesional, beretika, berfikiran kritis, berinovatif, berdaya usahawan serta diidami majikan dan boleh menjadi majikan.
- Universiti yang mengoptimumkan kebolehcapaian, mempelopori ilmu, menjuarai penemuan baru serta menghasilkan teknologi berinovatif dan berpotensi untuk dikomersialkan demi memberi impak kepada masyarakat dan seterusnya kemakmuran negara.

Objektif strategik fakulti merupakan objektif kualiti yang telah dibentuk berdasarkan analisa penuh ke atas kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dihadapi oleh FPH. Objektif ini juga menyokong sepenuhnya aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), UiTM, Lembaga Farmasi dan FPH sendiri. Dokumen seperti RMKe-11 dan UiTM 2025 merupakan antara rujukan utama dalam membentuk objektif, inisiatif dan sasaran bidang tumpuan bagi FPH.

Daripada sebelas (11) objektif strategik fakulti, empat (4) daripadanya (Lampiran 2.2.1) berkait secara langsung dengan bidang tumpuan seperti berikut:

- Objektif 3: 80% staf akademik berkelayakan PhD
- Objektif 4: Setiap pensyarah memenuhi KPI universiti untuk penerbitan dalam jurnal berindeks setiap tahun
- Objektif 5: 80% staf akademik memegang geran penyelidikan.
- Objektif 10: Fakulti mencapai skor MyRA sebanyak 65 ke atas dan berada pada tahap 100 terbaik dalam penarafan universiti dunia QS pada tahun 2023.

Bagi mencapai objektif-objektif strategik ini, satu (1) inisiatif strategik iaitu *Research & Innovation: Strive for Excellence* (RISE) telah dibentuk (Lampiran 2.2.2). Pada tahun 2019, empat (4) projek utama telah dirancang di bawah inisiatif strategik RISE bertujuan untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FPH (Lampiran 2.2.3). Projek-projek tersebut adalah Publish to Flourish (P2F), Grant Acquisition Initiative (GAIN), Grad-Set-Go dan Innovate and Monetize your Product (IMPro). Secara ringkasnya, projek P2F dirangka bagi membudayakan aktiviti penulisan di kalangan warga fakulti seterusnya meningkatkan hasil penerbitan fakulti, GAIN bagi meningkatkan perolehan geran penyelidikan di samping menggalakkan kolaborasi penyelidikan, Grad-Set-Go bagi meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah dan pelajar yang GOT, manakala IMPRO dirangka bagi menyemarakkan aktiviti inovasi, pengkomersialan dan hak harta intelek oleh warga fakulti.

Namun begitu, untuk tahun 2020, perancangan strategik FPH telah dimurnikan selaras dengan perancangan strategik UiTM2025. Hasil dari pemurnian tersebut, bilangan projek utama di bawah inisiatif ini telah diturunkan kepada dua (2) projek sahaja iaitu P2F dan GAIN (Lampiran

4.4.7.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 2.2.1_FARMASI.pdf](#)
2. [Lampiran 2.2.2.pdf](#)
3. [Lampiran 2.2.3.pdf](#)
4. [Lampiran 2.2.4.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Inisiatif strategik RISE secara amnya dirangka untuk meningkatkan skor MyRA FPH dengan menumpukan kepada penerbitan, perolehan geran penyelidikan, peningkatan jumlah pelajar pascajazah dan hasil inovasi serta pengkomersilan. Empat (4) projek utama dibentuk di bawah inisiatif strategik ini seperti berikut:

- Publish to Flourish (P2F) merupakan projek yang dirangka untuk membudayakan aktiviti penulisan bahan ilmiah/ kertas penyelidikan di kalangan warga fakulti dengan meningkatkan anjuran bengkel-bengkel penulisan di fakulti.
- Projek GAIN (Grant Acquisition Initiative) dirangka untuk menggalakkan permohonan dana penyelidikan antarabangsa/kebangsaan/swasta oleh warga FPH menerusi penganjuran beberapa siri bengkel penulisan kertas cadangan penyelidikan. Selain itu, projek ini juga mensasarkan peningkatan kolaborasi penyelidikan dengan penyelidik dari universiti dalam dan luar negara.
- Projek Grad-Set-Go bertujuan memastikan GOT meningkat dan bilangan calon pascasiswazah bertambah.
- Projek IMPro (Innovate and Monetize your Product) merupakan inisiatif fakulti untuk menggalakkan penghasilan inovasi baru di samping menyemarakkan usaha untuk mengkomersialkan dan mendapatkan hak harta intelek bagi inovasi yang telah dihasilkan.

Kesemua projek utama ini dipetakan kepada petunjuk prestasi yang berkaitan (Lampiran 2.3.1). Pemetaan ini penting bagi memastikan projek yang dijalankan tidak tersasar dari perancangan strategik UiTM.

Pada tahun 2020, pemurnian perancangan strategik dijalankan bagi memastikan perancangan strategik FPH sejajar dengan RMKe-11 dan UiTM2025. Hasil dari pemurnian ini, bilangan projek utama di atas telah dikurangkan kepada dua (2) sahaja iaitu P2F dan GAIN. Projek-projek ini juga dipetakan kepada petunjuk prestasi yang berkaitan bagi memastikan sasaran dapat dicapai (Lampiran 2.3.2).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2.3.1.pdf](#)
2. [Lampiran 2.3.2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dilaksanakan dengan jayanya, pemantauan projek dijalankan secara berkala dengan mengukur pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Inisiatif strategik RISE diletakkan di bawah tanggungjawab Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi selaku Pengarah Program. Bagi tahun 2019, sebanyak 10 PI diletakkan di bawah inisiatif ini. Manakala, bagi tahun 2020, daripada 125 PI, sebanyak 57 PI telah diturunkan kepada fakulti. Daripada jumlah ini, sebanyak 16 PI dipetakan kepada inisiatif strategik RISE (Lampiran 2.4.1). Kesemua PI ini kemudian diagihkan kepada beberapa projek utama. Seorang pengurus projek diberi tanggungjawab untuk memastikan projek berjalan dengan lancar. Pelan tindakan strategik bagi setiap projek ini dilampirkan untuk rujukan (Lampiran 2.4.2).

Setiap hujung bulan, pengarah program dikehendaki memuatnaik pencapaian PI di bawah tanggungjawab beliau di Google sheet yang telah disediakan oleh Koordinator Strategik fakulti. Google sheet ini mengandungi perincian seperti nama inisiatif, nama projek utama, PI yang berkaitan, sasaran yang diberi (Lampiran 2.4.3).

Setiap 2 bulan, pencapaian PI akan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan fakulti (Lampiran 2.4.4). Langkah penambahbaikan dibincangkan untuk PI yang belum dicapai manakala langkah pemerkasaan dibincangkan untuk PI yang sudah dicapai (Lampiran 2.4.5).

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 2.4.1.pdf](#)
2. [Lampiran 2.4.2.pdf](#)
3. [Lampiran 2.4.3.pdf](#)
4. [Lampiran 2.4.4.pdf](#)
5. [Lampiran 2.4.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Beberapa faktor risiko yang mungkin menjadi penghalang kepada pencapaian sasaran strategik bidang tumpuan telah dikenalpasti menerusi analisa SWOT (Lampiran 2.4.6).

Antara risiko-risiko yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

- kekurangan insentif bagi penyelidik yang cemerlang
- kebergantungan kepada sebilangan kecil penyelidik yang berpengalaman
- kebergantungan kepada peralatan di universiti lain
- kekurangan pelajar pascajianazah yang dibiayai sendiri
- kurang berminat di dalam aktiviti penyelidikan - rasa berpuas hati
- kurang pengalaman dalam mendapatkan geran internasional

Susulan daripada itu, pelan tindakan pencegahan telah dihasilkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Lampiran 2.4.7).

Tindakan pemantauan pula dilaksanakan secara berkala menerusi perbincangan semasa Mesyuarat Pengurusan dan hasil perbincangan yang merangkumi tindakan pencegahan dan pembetulan dibentangkan semasa Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2.4.6.pdf](#)
2. [Lampiran 2.4.7.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Maklumbalas pelanggan merupakan input yang amat berguna dalam menambahbaik perancangan strategik fakulti. Di FPH, kumpulan sasaran pelanggan terdiri daripada pelanggan dalaman (staf akademik, staf sokongan dan pelajar) dan pelanggan luar (IRMI dan industri). Input dari pelanggan diperolehi menerusi beberapa saluran seperti borang maklumbalas, mesyuarat, panggilan telefon, emel dan media sosial (facebook, twitter, Instagram dan sebagainya).

Penilaian semula perancangan strategik fakulti telah diadakan setiap tahun bagi tujuan menambahbaik dan memastikan agar hala tuju fakulti sentiasa sejajar dengan aspirasi universiti juga relevan dengan keperluan negara. Bengkel-bengkel strategik ini telah dipengerusikan oleh Dekan Fakulti Farmasi dan dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar dan pensyarah-pensyarah Fakulti Farmasi yang terpilih. Pada tahun 2019, Bengkel Perancangan Strategik telah diadakan pada 1 hingga 3 Mac 2019 manakala pada tahun 2020, Bengkel Perancangan Strategik telah diadakan pada 14 hingga 16 Mac 2020. Output bengkel telah dibukukan untuk rujukan seluruh warga fakulti (Lampiran 2.4.8R).

Selain itu, satu rumusan telah dihasilkan berkaitan aktiviti penyelidikan di FPH. Dengan mengambil kira kepakaran yang dimiliki dan keperluan semasa, lapan (8) kluster penyelidikan telah dikenalpasti. Lapan kluster penyelidikan ini menjadikan aktiviti penyelidikan di FPH lebih terarah dengan sokongan enam (6) entiti kecemerlangan (*Research Interest Group, RIG*) dan empat (4) pusat teras penyelidikan (*Research Core Centre*) (Lampiran 2.4.9).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2.4.9.pdf](#)
2. [Lampiran 2.4.8R.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Wawasan universiti untuk menjadi Universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan menjelang 2018, Universiti Tersohor pada tahun 2020 dan Universiti Terkemuka menjelang tahun 2025 sentiasa diterapkan di dalam minda warga fakulti. Poster-poster yang dapat mengingatkan warga fakulti tentang hala tuju strategik fakulti dan universiti dilekatkan di sekitar fakulti (Lampiran 2.5.1R).

Selain itu, aktiviti penyelidikan, penulisan dan pengkomersialan dibudayakan melalui pelaksanaan program-program seperti Bengkel Penulisan Artikel, Bengkel Pemurnian Kertas Cadangan Penyelidikan dan beberapa siri webinar penyelidikan (Lampiran 2.5.2).

Pembudayaan aktiviti penyelidikan tidak hanya melibatkan warga fakulti tetapi turut melibatkan warga universiti dan masyarakat. Sebagai contoh, program tahunan Pharm-IIDEx yang dianjurkan oleh FPH sentiasa mendapat penyertaan dari warga fakulti, UiTM dan sekolah-sekolah rendah dan menengah sekitar Selangor.

Selain itu, FPH juga melibatkan institusi pendidikan luar negara di dalam aktiviti pembudayaan penyelidikannya. Antaranya adalah menerusi penganjuran konferensi yang melibatkan kerjasama atau penyertaan universiti luar negara. Selain itu, FPH tidak melepaskan peluang untuk mewujudkan kolaborasi penyelidikan setiap kali menerima kunjungan dari universiti luar.

FPH juga sering menggalakkan warga fakulti melibatkan diri dengan program-program penyelidikan dan inovasi anjuran universiti. Sebagai contoh, setiap tahun fakulti akan menaja kontijen fakulti untuk menyertai IIDEX. Pencapaian kontijen dalam pertandingan ini juga amat memberansangkan (Lampiran 2.5.3).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2.5.2.pdf](#)
2. [Lampiran 2.5.3.pdf](#)
3. [Lampiran 2.5.1R.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penglibatan pelanggan dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan amat penting dalam menjayakan aspirasi meningkatkan hasil penyelidikan dan skor MyRA Fakulti Farmasi. Susulan itu, pelbagai kaedah dijalankan bagi mengenalpasti keperluan dan insentif yang sesuai kepada pelanggan. Pelbagai aktiviti berfokuskan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dijalankan bagi melibatkan pelanggan dalam memastikan KPI bidang ini dicapai. Maklumbalas pelanggan diambilkira bagi membolehkan proses penambahbaikan dijalankan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kumpulan sasaran pelanggan Fakulti Farmasi ditentukan berdasarkan pengenalpastian aktiviti/projek yang dijalankan bagi mencapai KPI di dalam bidang tumpuan ini. Profil pelanggan ini juga diasingkan samada pelanggan dalaman atau pelanggan luar. Pelanggan dalaman terdiri daripada staf akademik, staf sokongan dan pelajar manakala pelanggan luar terdiri daripada IRMI (RMC) dan industri.

Pendekatan di dalam bengkel perancangan strategik fakulti, empat (4) projek utama telah dikenalpasti untuk meningkatkan hasil penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan adalah seperti berikut:

1. Grant Acquisition Initiatives (GAIIn) - Mengenalpasti maklumat berkenaan geran yang boleh dimohon samada peringkat universiti, nasional, antarabangsa dan geran industri.
2. Publish to Flourish - Mengendalikan bengkel penulisan bagi menggalakkan dan membantu meningkatkan kemahiran penulisan akademik untuk staf akademik dan pascasiswazah. Disamping itu memantau penerbitan yang perlu sentiasa dikemaskini di dalam sistem PRISMA.
3. PharmaMove - Memperkukuhkan kerjasama dengan rakan sejawat antarabangsa dan syarikat multinasional di Malaysia dan luar negara.
4. Grad-Set-Go - Induksi pelajar baharu dan jerayawara antara fakulti di dalam UiTM dan di luar kampus.
5. IMPro - Projek rundindan dan hasil inovasi yang membawa kepada peningkatan penyelidikan kerjasama akademia-industri serta penyelidik dalam dan luar negara . Aktiviti utama adalah PHARM-IIDex dan PH-Research day

SENARAI BUKTI:

1. [Senarai MoU Aktif.pdf](#)
2. [Penentuan Kumpulan Sasar Fakulti Farmasi.pdf](#)
3. [Laporan Program Writing Workshop.pdf](#)
4. [Minit mesyuarat Bersama Industri Sept 2020.pdf](#)
5. [Laporan Program Pascasiswazah.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Semua data pelanggan dikumpulkan secara terperinci berdasarkan bahan bukti untuk skor MyRA. Terdapat lantikan khas untuk tujuan bidang tumpuan ini di mana mereka bertindak sebagai pemudahcara perkara berkaitan penyelidikan. Contoh lantikan adalah Koordinator PRISMA (Penerbitan), Koordinator Penyelidikan, Koordinator Inovasi dan Pegawai Perhubungan MyRA (*Liaison Officer*, LO). Semua dokumen dan data bidang tumpuan ini di bawah kendalian seorang kerani yang ditugaskan menyelenggara pangkalan data ini.

Pelbagai pendekatan yang sistematik telah digunakan bagi memastikan inisiatif pengurusan dan pembangunan penyelidikan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Antaranya adalah dengan memperkasakan struktur organisasi penyelidikan. Bagi melancarkan proses pengurusan, pengendalian dan pementapan aktiviti penyelidikan yang diketuai Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi), beberapa jawatankuasa khas telah dibentuk pada tahun 2019 dan 2020 seperti Jawatankuasa Penyelidikan. Kesemua jawatankuasa ini dibentuk dan dimantapkan bagi memastikan segala cabaran dalam merealisasikan objektif strategik FPH dapat ditangani secara efektif dan telus.

SENARAI BUKTI :

1. [AJK Penyelidikan FF.pdf](#)
2. [AJK 3rd Pharm-IIDEX 2019.pdf](#)
3. [AJK Pharm-IIDEX 2020.pdf](#)
4. [AJK KIK 2019-2021.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bidang tumpuan ini adalah satu simbiosis di antara pihak fakulti dan pelanggan FPH memandangkan kebaikan tumpuan ini diperolehi oleh kedua-dua pihak. Pihak pengurusan sentiasa berusaha untuk menyokong dan memastikan pelanggan FPH mendapat manfaat dari setiap aktiviti yang disertai. Kebaikan dan ganjaran yang boleh diperolehi dan dimanfaatkan oleh pelanggan FPH apabila mereka melibatkan diri di dalam aktiviti berkaitan bidang tumpuan ini dapat disemak seperti Jadual 3 yang dilampirkan.

SENARAI BUKTI:

1. [Analisis Keberkesanan Bengkel Pharm-IIDEx 2018 vs 2019.pdf](#)
2. [Laporan Program PHARMIIDex 2020.pdf](#)
3. [Kebaikan Pelaksanaan Bidang Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan kanan FPH sentiasa peka dalam mengenalpasti cabaran dan risiko yang mungkin akan dihadapi dalam proses pemantapan dan merealisasikan keberkesanan pengurusan dan pembangunan bidang tumpuan. Oleh itu, pihak fakulti telah mengenalpasti pelan tindakan bagi mengatasi risiko yang bakal dihadapi berkaitan dalam pengurusan dan pemantapan bidang tumpuan. Maklumat pengurusan risiko dihuraikan dalam Jadual 4

SENARAI BUKTI :

1. [Pelan Tindakan Mengatasi Risiko Bidang Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

3.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan kanan sangat optimis dalam merealisasikan objektif strategik yang telah dirancang. Oleh itu, pelan tindakan pemantauan secara sistematik dan berterusan dilaksanakan melalui mekanisma seperti mesyuarat pengurusan, pembentangan program dan bajet, laporan penyelidikan dan penyediaan laporan kemajuan (rujuk Jadual 5)

Fakulti juga menggunakan teknologi terkini selaras dengan perkembangan penggunaan media sosial supaya maklumat mudah dicapai di hujung jari. Antara aplikasi yang digunakan adalah WhatsApp, Facebook, Instagram, Twitter, laman sesawang dan emel untuk tujuan komunikasi utama antara warga fakulti dan pihak berkepentingan (rujuk Gambarajah 1). Ini sejajar dengan prinsip kepimpinan kanan yang sentiasa menggalakkan cetus idea baru bagi tujuan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan FPH.

SENARAI BUKTI :

1. [Pelan Tindakan Pemantauan Sistematik.pdf](#)
2. [Gambarajah 1 Penambahbaikan ke Atas Sistem Pengurusan FPH.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Selaras dengan perkembangan teknologi digital, pengurusan kanan FPH juga tidak ketinggalan untuk berada di aras yang sama dengan PTJ lain bagi memantapkan lagi aspek pengurusan dan pembangunan penyelidikan. Antara inovasi dan penambahbaikan yang dihasilkan bagi memantapkan program penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan adalah penambahbaikan proses pengurusan makmal pembelian bahan kimia. Penambahbaikan ini telah berjaya menghasilkan empat (4) output seperti yang digambarkan di dalam Gambarajah 2.

Secara keseluruhannya, pengurusan kanan FPH yang berkaliber sentiasa berusaha sebaik mungkin dalam menerajui fakulti demi merealisasikan pengurusan dan pembangunan penyelidikan ke satu tahap yang lebih tinggi demi menghasilkan output penyelidikan yang terbaik dari pelbagai aspek. Hasil penyelidikan dari FPH adalah sangat bermutu tinggi dan mampu memberi impak yang signifikan kepada institusi, masyarakat dan seterusnya memartabatkan bidang sains farmasi ke peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [Output Penambahbaikan Proses Pengurusan Makmal Pembelian Bahan Kimia .pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Farmasi yang telah dikenalpasti sebagai Fakulti Penyelidikan di UiTM sentiasa mengaplikasikan mekanisma pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan sebagai amalan berterusan yang dinamik selaras dengan situasi semasa. Perancangan bagi kriteria ini adalah berasaskan pendekatan sistematik iaitu menggunakan metodologi penambahbaikan Plan, Do, Check, Act (PDCA). Perancangan akan disemak semula pada setiap penghujung tahun dan ditambahbaik untuk digunakan pada tahun seterusnya.

Perlaksanaan kriteria ini dipantau oleh ahli jawatankuasa yang menjadi pakar rujuk dan berpengalaman dalam bidang penyelidikan dan analisa data. Ahli jawatankuasa juga menentukan kaedah persampelan yang sah dan terkini. Pengukuran hasil dari bidang tumpuan ini telah menggunakan tanda aras peringkat negara dan antarabangsa.

Pemantauan kriteria ini dilakukan secara berkala dimana data akan dikumpul, dianalisa dan dibentangkan oleh Timbalan Dekan. Kesemua lapan kluster penyelidikan di Fakulti Farmasi (Bukti 1: Pendekatan) dipantau melalui piawai-piawai pengukuran kualiti hasil penyelidikan yang telah ditetapkan. Pelbagai mekanisma pemantauan telah digunakan untuk memastikan setiap perancangan untuk mencapai KPI serta perancangan strategik dilaksanakan mengikut jadual. Risiko bagi kriteria Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan telah dikenalpasti semasa membuat perancangan untuk tindakan pencegahan.

Tindakan Penambahbaikan melibatkan kajian semula dari semua data hasil yang sedia ada. Perbincangan ini dibuat secara berterusan berdasarkan keperluan dan dirumuskan pada setiap tahun berakhir. Hasil kajian semula juga turut membantu meningkatkan prestasi penyelidikan, penerbitan. Semua maklumat dan data berkaitan bidang tumpuan ini sentiasa dikemaskini dan dikongsi bersemua semua pemegang taruh FPH. Ini secara tidak langsung telah mewujudkan pembudayaan aktiviti penyelidikan oleh semua warga FPH untuk bekerjasama menghasilkan hasil bidang tumpuan yang optimum.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Hasil penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan oleh FPH pada tahun 2019 dan 2020 adalah diukur berdasarkan tujuh (7) piawaian pengukuran keberkesanan utama (Bukti 2). Setiap piawaian pengukuran keberkesanan adalah diselaraskan dengan objektif strategik yang telah ditetapkan dalam Bengkel Perancangan Strategik Fakulti Farmasi pada tahun 2019 dan 2020.

Pada setiap awal tahun, semua staf akademik akan diamanahkan dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) individu melalui Ketua Pusat Pengajian (KPP) masing-masing seperti yang telah digariskan dalam Objektif Kualiti FPH (Bukti 3) yang berkaitan dengan instrumen MyRA. KPI ini diberikan berdasarkan kepada prestasi staf berikut pada tahun sebelumnya.

FPH juga telah menubuhkan satu jawatankuasa khas di mana Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) akan melapor secara berkala kepada Dekan fakulti sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan (Bukti 4). Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan dalam menjalankan aktiviti memperkasa, memantau prestasi dan hasil penyelidikan di fakulti termasuk etika penyelidikan. Jawatankuasa ini turut bertanggungjawab untuk memastikan takwim dan aktiviti penyelidikan dijalankan secara sistematik. Salah satu inisiatif strategik yang telah dicadangkan, dirangka dan dilaksanakan adalah RISE (Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [Kluster Penyelidikan FPH.pdf](#)
2. [Petunjuk Prestasi Hasil Penyelidikan Fakulti Farmasi.pdf](#)
3. [OBJEKTIF KUALITI FF 2019.pdf](#)
4. [Inisiatif Strategik RISE.pdf](#)
5. [AJK Penyelidikan FF.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi setiap piawai pengukuran yang telah dikenalpasti, matrik penelitian kuantitatif akan ditentukan untuk membolehkan analisis dan pengukuran yang berkesan dapat dijalankan terhadap perancangan strategik. Sistem pengukuran yang digunakan oleh FPH adalah berdasarkan instrumen MyRA. Antara kriteria yang diukur adalah:

- Penerbitan
- Penyelia pascasiswazah
- Geran penyelidikan
- Kelayakan/ Kepakaran
- Hasil inovasi
- Jaringan dan jalinan kerjasama
- Khidmat profesional dan hadiah

Penyebaran maklumat dilakukan melalui laporan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) di Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Fakulti serta poster yang dipaparkan di papan notis sekitar fakulti dan laman sesawang fakulti untuk memastikan tahap capaian yang menyeluruh. Maklumat terkini mengenai penawaran geran penyelidikan juga disalurkan melalui emel dan WhatsApp kepada KPP untuk disebarkan kepada warga fakulti. Ini adalah salah satu langkah yang mudah dan cepat untuk memastikan capaian maklumat terkini.

FPH juga menggunakan sepenuhnya media sosial rasmi fakulti iaitu Facebook sebagai salah satu medium penyebaran maklumat.

SENARAI BUKTI :

1. [Petunjuk Prestasi Hasil Penyelidikan Fakulti Farmasi.pdf](#)
2. [Sistem Pengukuran Komponen Bidang Tumpuan FPH.pdf](#)
3. [Komponen Pemantauan Bidang Tumpuan FF.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dilakukan secara bulanan dan dibentangkan di mesyuarat pengurusan untuk dibincangkan. Setiap data yang telah dikumpulkan akan disemak silang berpandukan dokumen sokongan yang disertakan untuk mengesahkan kualiti dan integriti data tersebut. Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) membantu Dekan bersama dengan Jawatankuasa Penyelidikan bertanggungjawab ke atas segala pengurusan data, penyediaan maklumat dan pengurusan pengetahuan di peringkat fakulti. Beberapa orang staf sokongan juga membantu dalam pengumpulan data yang berkaitan bidang tumpuan.

Semua maklumat terkini berkaitan dengan bidang tumpuan diuruskan secara sistematik dan boleh dicapai oleh semua staf fakulti. Dalam masa yang sama, maklumat-maklumat berbentuk sulit akan dikawal selia oleh Jawatankuasa Penyelidikan supaya tidak dapat diakses oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

KPP melalui mesyuarat di peringkat pusat pengajian memainkan peranan untuk mengumpulkan data yang mungkin tercicir setiap akhir tahun bagi memastikan semua maklumat berkaitan bidang tumpuan akan dapat direkodkan dengan sempurna oleh pejabat Penyelidikan & Inovasi. Di samping itu, data boleh dikumpulkan sebaik proses penilaian SKT tamat

SENARAI BUKTI:

1. [Komponen Pemantauan Bidang Tumpuan FF.pdf](#)
2. [Matrik Ukuran dan Kekerapan Pengumpulan Data FPH.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko bagi kriteria ini telah dikenalpasti semasa perancangan strategik dan mesyuarat penyelidikan. Langkah untuk tindakan pencegahan juga dibincangkan. Unit Risiko FPH akan memantau semua risiko yang telah diambilkita bagi bidang tumpuan ini dan bersedia untuk melaksanakan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [Contoh Daftar Risiko Bidang Tumpuan FPH.pdf](#)

4.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPH melakukan kajian semula secara berkala dan disetiap akhir tahun selepas audit dijalankan. Semua data dan maklumat berkaitan bidang tumpuan dibentang dan dibincangkan untuk langkah penambahbaikan.

Hasil kajian semula telah menghasilkan penambahbaikan proses bagi bidang tumpuan seperti berikut:

Mewujudkan flipbook bagi profil penyelidik

Mewujudkan kolaborasi bersama universiti antarabangsa

Mengadakan perbagai program secara atas talian

Penambahbaikan dari hasil kaji semula telah membantu meningkatkan prestasi penyelidikan, penerbitan dan MoU/MoA sehingga ke peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [Penambahbaikan Bidang Tumpuan FPH Tahun 2019 & 2020.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil dari analisa data dan tindakan penambahbaikan telah disebarkan melalui perkongsian maklumat kepada semua staf, pelajar dan juga orang luar dari masa ke semasa melalui pelbagai saluran. Amalan perkongsian ini secara tidak langsung dapat membudayakan bidang tumpuan dalam mencapai KPI individu, fakulti dan UiTM.

Penggunaan sistem flipbook penyelidik adalah lengkap dan terkini dan boleh diakses di peringkat antarabangsa. Ini membolehkan perlaksanaan kolaborasi bersama penyelidik luar dari seluruh dunia.

SENARAI BUKTI :

1. [Sumber Capaian Informasi bagi Pembudayaan Bidang Tumpuan FPH.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2020, FPH mempunyai seramai 146 staf iaitu 87 staf akademik dan 59 staf pentadbiran. Staf akademik ditempatkan di lima (5) pusat pengajian iaitu **Amalan Farmasi, Farmaseutik, Farmakologi, Kimia Farmaseutikal** dan **Sains Hayat**. Manakala staf pentadbiran dibahagikan kepada tiga (3) unit utama iaitu **Pentadbiran & ICT, Akademik & Hal Ehwal Pelajar** dan **Pengurusan Makmal Sains/Penyelidikan**.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPH telah menggunakan pendekatan berikut untuk menjayakan bidang tumpuan iaitu:

- i. Mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia sediaada
- ii. Penganjuran siri latihan secara berterusan
- iii. memastikan persekitaran dan sistem kerja yang menyokong kepada bidang tumpuan
- iv. Pengiktirafan kepada sumber manusia
- v. Bertindak terhadap maklumbalas berkaitan yang melibatkan sumber manusia

SENARAI BUKTI:

1. [i. Pengoptimuman kepakaran dan pengalaman sumber manusia sediaada.pdf](#)
2. [ii. Penganjuran latihan secara berterusan.pdf](#)
3. [iii. memastikan persekitaran dan sistem kerja menyokong bidang tumpuan.pdf](#)
4. [iv. Pengiktirafan kepada sumber manusia.pdf](#)
5. [v. Bertindak kepada maklumbalas sumber manusia3.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Fakulti telah mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia melalui kaedah berikut:

- i. Pengambilan staf baharu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang tumpuan
- ii. Melibatkan staf sebagai pakar rujuk, fasilitator dan penceramah peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- iii. Mengajukan program perkongsian kepakaran
- iv. Penglibatan dalam RIG dan COE
- v. Penglibatan dalam badan profesional dan komuniti

SENARAI BUKTI :

1. [i. Pengambilan staf baharu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas.pdf](#)
2. [ii. PENGLIBATAN STAF FAKULTI FARMASI SEBAGAI PAKAR RUJUK, FASILITATOR DAN PENCERAMAH DALAM BIDANG TUMPUAN.pdf](#)
3. [iii. PENGANJURAN PROGRAM PERKONGSIAN KEPAKARAN.pdf](#)
4. [iv. Penglibatan dalam RIG dan COE.pdf](#)
5. [v. Penglibatan dalam Badan Profesional dan Komuniti.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja adalah terkawal. Ini kerana pihak fakulti sentiasa bertindak balas terhadap semua aduan yang dilaporkan melalui kaedah berikut:

- i. Sistem Aduan Maklumbalas Pelanggan
- ii. Mesyuarat di peringkat pengurusan fakulti

SENARAI BUKTI:

1. [LAPORAN ADUAN MAKLUMBALAS PELANGGAN.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sumber manusia dipantau melalui Analisis Kebergantungan PTJ yang melibatkan:

- i. Pengambilan staf baharu
- ii. Lantikan semula staf kontrak

Tindakan pembetulan akan diambil oleh fakulti berdasarkan impak risiko yang dicartakan

SENARAI BUKTI :

1. [ANALISIS IMPAK OPERASI.pdf](#)

5.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti menyediakan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi membantu mencapai bidang tumpuan melalui:

- i. Penyediaan makmal penyelidikan yang lengkap, luas dan selesa
- ii. Penyelenggaraan secara berkala semua alatan / mesin di makmal penyelidikan
- iii. Perkhidmatan sokongan makmal yang mencukupi dan berkemahiran

Fakulti bertindak terhadap maklumbalas sumber manusia melalui pemakluman dan arahan yang dikeluarkan oleh Pengurusan Fakulti dari masa ke semasa.

SENARAI BUKTI :

1. [Persekitaran dan Sistem Kerja yang Kondusif.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak fakulti menggalakkan inovasi di kalangan staf melalui usaha:

- i. Penganjuran PharmIIDEx (terbuka kepada semua staf dan masyarakat luar UiTM)
- ii. Penyertaan dalam pertandingan inovasi

Pengurusan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia melalui:

- i. Pemakluman melalui emel dan media sosial fakulti
- ii. Program sambutan bersama staf

SENARAI BUKTI :

1. [Virtual Pharm-IIDEx 2020.pdf](#)
2. [SENARAI PENYERTAAN STAF FAKULTI FARMASI DI IIDEX UiTM 2020.docx.pdf](#)
3. [PEMAKLUMAN KEJAYAAN DAN PENGHARGAAN KEPADA STAF MELALUI EMEL DAN MEDIA SOSIAL FAKULTI.pdf](#)
4. [PROGRAM SAMBUTAN BERSAMA STAF.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Farmasi (FPH) sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan operasi berada pada tahap yang baik selaras dengan objektif fakulti untuk melahirkan modal insan yang lebih cemerlang secara holistik. Oleh itu, FPH sentiasa berusaha keras dalam memastikan segala operasi pelaksanaan dirancang dengan baik secara berstruktur, terperinci, berkesan dan terurus.

Bagi bidang tumpuan ini, segala usaha telah diambil termasuklah perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act) dalam aspek-aspek berikut:

1. Pengajaran dan Pembelajaran
2. Penyelidikan, Penerbitan & Pengkomersialan
3. Inovasi & hakcipta/paten produk hasil penyelidikan
4. Khidmat perundingan

Penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan produk merupakan antara tiga (3) tunjang utama FPH yang ditekankan kepada semua staf, terutamanya staf akademik. Ketiga-tiga aspek ini telah dijayakan menerusi pelaksanaan inisiatif strategik yang telah dijalankan sepanjang tahun. Kesemua aspek ini juga merupakan teras utama yang diambil kira dalam perolehan skor MyRA, justeru pelaksanaannya sangat dititikberatkan oleh FPH.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan yang diambil dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan pilihan adalah melalui perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act) dalam aspek-aspek berikut:

1. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran staf melalui latihan/bengkel sepanjang tahun
2. Penulisan dan perolehan geran
3. Penerbitan (Prosiding persidangan dan jurnal)
4. Inovasi & hakcipta/paten produk hasil penyelidikan
5. Khidmat perundingan

Pelaksanaan kesemua aktiviti dalam pendekatan ini dirancang dan dipantau oleh ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Dekan.

SENARAI BUKTI:

1. [Surat Lantikan AJK Research Committee.pdf](#)
2. [Surat Lantikan Pharm-IIDEx 2019.pdf](#)
3. [Surat Lantikan AJK Joint Conference 2019.pdf](#)
4. [Surat Lantikan LAFAM Technical Committee 2019-2021.pdf](#)
5. [Surat Lantikan Jawatankuasa iAKNC.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1. Inisiatif perluasan yang diambil dalam menyokong pelaksanaan objektif bidang tumpuan pilihan adalah secara meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf melalui latihan/bengkel sepanjang tahun bagi mencapai sasaran. Ini termasuk Bengkel Penilaian Geran, Bengkel Penulisan Geran dan Penerbitan, Bengkel Hak Cipta, Bengkel Pra-Pharm-IIDEx dan juga penganjuran Pertandingan Inovasi Pharm-IIDEx (peringkat FPH). Usaha ini telah dijayakan dengan penganjuran sebanyak 100 sesi latihan/bengkel termasuk persidangan pada tahun 2019 diikuti 76 pada tahun 2020.

2. Selain itu, penganjuran dan penyertaan di dalam Pharm-IIDEx telah dijadikan sebagai pra-syarat bagi mana-mana staf yang ingin menyertai pertandingan inovasi IIDEX peringkat UiTM. Pra-syarat ini telah berjaya membantu staf untuk lebih bersedia di dalam aspek seperti memberikan persembahan/penerangan yang berkesan dan menghasilkan prototaip produk yang mampu bersaing hingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Hasilnya, sebanyak 112 dan 165 anugerah pingat telah dimenangi masing-masing pada tahun 2019 dan 2020 di peringkat fakulti, kebangsaan dan antarabangsa, dengan 36 buah produk telah mendapat hakcipta/paten.

3. Menerusi pelaksanaan inisiatif ini, sebanyak 128 geran penyelidikan aktif direkodkan oleh staf FPH dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM10,766,161.00 termasuk bagi tempoh 2019 dan 2020. Penerimaan bilangan geran dalaman (UiTM) juga meningkat berbanding tahun sebelumnya, dan sebanyak satu geran industri juga diperolehi. Ini menunjukkan latihan/bengkel yang diadakan telah berjaya membantu staf FPH untuk memperolehi geran penyelidikan.

4. Selain itu, bilangan penerbitan bagi tahun 2019 dan 2020 juga meningkat dengan jumlah kumulatif penerbitan berwasit melebihi 180 berjaya dicapai. Peningkatan ini merupakan hasil yang dicapai menerusi inisiatif perluasan selari dengan objektif kualiti FPH yang menetapkan supaya setiap pensyarah perlu menerbitkan artikel di dalam jurnal berindeks setiap tahun menerusi pecahan berikut:

- a) 1 penerbitan bagi staf gred 45/46
- b) 2 penerbitan bagi staf gred 51/52 dan 53/54
- c) 3 penerbitan bagi staf gred VK

Salah satu langkah yang telah diambil untuk meningkatkan jumlah penerbitan adalah dengan menggalakkan para pensyarah untuk menerbitkan manuskrip projek tahun akhir di dalam jurnal berwasit. Langkah ini juga dilihat berjaya mengurangkan bilangan denominator berpotensi di FPH.

Penganjuran konferensi/ seminar/ bengkel juga mengundang potensi kolaborasi di antara FPH dengan institusi penyelidikan dan universiti dari dalam dan luar negara. Kepakaran dan pengalaman penyelidikan warga FPH yang menjadi rujukan pihak luar dilihat dapat memberi impak yang besar kepada kebolehtampakan UiTM dalam menyokong misi dan visi UiTM.

Secara keseluruhan, kesemua aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan produk yang dijalankan menerusi inisiatif strategik ini telah menyumbang kepada pencapaian MyRA FPH di mana FPH telah berjaya mendapat skor yang tinggi. Penilaian bagi setiap aspek juga telah dijalankan untuk memastikan tahap sasaran tahunan yang dicapai.

SENARAI BUKTI :

1. [Senarai Bengkel dan Latihan FF 2019 2020.pdf](#)
2. [Senarai Anugerah Inovasi Tahun 2019 2020 iAKNC.pdf](#)
3. [Senarai Research Grant FF 2020.pdf](#)
4. [Senarai Hakcipta.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Perancangan dan pelaksanaan prosedur operasi yang baik dari segi pengajaran dan pembelajaran telah membuahkan hasil yang memberangsangkan, dengan FPH berjaya tersenarai pada kedudukan 201-250 bagi subjek Farmasi dan Farmakologi seperti yang dilaporkan di dalam laporan penarafan QS bagi tahun 2020.

FPH juga memperolehi markah yang tinggi dalam skor MyRA 2020.

SENARAI BUKTI:

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko di laksanakan dalam pengurusan operasi melalui pemantauan berkala. Sebagai contoh, penilaian prestasi kerja melalui Laporan Nilai Prestasi Tahunan akan dijalankan terhadap setiap staf FPH. Penilaian akan dibuat oleh Ketua Jabatan (KPP), Timbalan Dekan (Akdemik) dan Dekan untuk memastikan KPI setiap staf tercapai terutamanya bagi staf akademik. Selain daripada bukti-bukti berkaitan penerbitan, perolehan geran, penyertaan inovasi, sumbangan masyarakat dan sebagainya, cetakan daripada PRISMA perlu disertakan. Ini adalah untuk memastikan segala bentuk penerbitan (termasuk artikel suratkhobar, majalah, laporan teknikal dan lain-lain) dimuatnaik ke pangkalan data UiTM sebagai bukti kepada panel penilai KPM semasa audit tapak MyRA.

Melalui penilaian ini, jumlah denominator berpotensi (DP) telah dikenalpasti dan pihak FPH telah merangka pelbagai aktiviti untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam menyumbang kepada skor MyRA.

Satu sesi perjumpaan DP dengan KPP masing-masing telah dilakukan untuk mengenalpasti isu/permasalahan yang menghalang kemajuan DP dalam bidang tumpuan. Isu/permasalahan yang telah dikenalpasti kemudiannya dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Risiko dan Bengkel Perancangan Strategik FPH untuk tindakan selanjutnya.

SENARAI BUKTI :

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Untuk tindakan penambahbaikan, peranan serta sumbangan staf bukan akademik juga telah diambil kira.

Tidak dinafikan, staf bukan akademik banyak membantu dalam usaha fakulti untuk membudayakan bidang tumpuan. Staf bukan akademik banyak melibatkan diri dalam penganjuran program-program yang berkaitan dengan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Kerjasama daripada mereka sangat membantu melancarkan perjalanan program yang membawa kepada tahap kepuasan pelanggan yang cemerlang, hasil daripada maklumbalas peserta.

Ada segelintir staf bukan akademik yang menyertai program inovasi (Pharm-IIDEx dan IIDEx 2019 & 2020 dan menyumbang pingat bagi fakulti.

Selain itu, FPH mempunyai Timbalan Pegawai Sains, Pegawai Sains Kanan dan Pegawai Penyelidik Kanan yang banyak membantu dalam kelancaran penyelidikan di fakulti. Mereka membantu dalam memantau proses penyelenggaraan dan baikpulih peralatan yang berkait rapat dengan kelestarian penyelidikan FPH. Setiap daripada pegawai-pegawai di atas dipertanggungjawabkan untuk mempunyai kemahiran dalam mengendalikan peralatan berteknologi tinggi.

Staf bukan akademik yang berkemahiran tinggi bukan sahaja membantu penyelidikan staf akademik, tetapi juga pelajar pasca siswazah dan sarjana muda (projek tahun akhir).

Kesemua usaha, kerjasama dan keterlibatan staf bukan akademik telah banyak memainkan peranan dalam tindakan penambahbaikan bagi hasil penganalisan operasi.

SENARAI BUKTI :

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam memastikan segala usaha penambahbaikan berterusan dan inovasi dapat dilaksanakan dengan efisien, kerjasama dan budaya saling membantu dalam kalangan staf adalah sangat dituntut. Ini kerana kejayaan FPH sebagai sebuah fakulti memerlukan keterlibatan dan sokongan berterusan dari semua pihak termasuk pengurusan fakulti, staf akademik dan bukan akademik serta para pelajar (pasca siswazah & sarjana muda).

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Publish-to-Flourish merupakan projek yang dirangka untuk membudayakan aktiviti penulisan bahan ilmiah/ kertas penyelidikan di kalangan warga fakulti dengan meningkatkan anjuran bengkel-bengkel penulisan di fakulti. Ini akan meningkatkan jumlah artikel berwasit dan memperhebatkan jumlah sitasi. Kelestarian dalam penerbitan diteruskan walaupun di dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pandemik COVID-19.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penerbitan berindeks merupakan penunjuk prestasi utama (*key performance indicator*, KPI) kepada setiap staf akademik yang telah ditetapkan oleh UiTM, sebahagian daripada agenda UiTM. Ini telah ditetapkan seperti dalam Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil 1 Tahun 2020. Fakulti Farmasi (FF) telah dikenalpasti sebagai Fakulti Penyelidikan. Lantaran, sebelum ketetapan tersebut, pihak Fakulti Farmasi telah menggariskan bahawa setiap pensyarah perlu memenuhi KPI universiti untuk penerbitan dalam jurnal berindeks setiap tahun: 1 penerbitan bagi gred 45/46, 2 penerbitan bagi gred 51/52 dan 53/54 dan 3 penerbitan bagi gred VK. Untuk memastikan KPI ini tercapai maka, projek **Publish-to-Flourish** telah dirangka untuk membudayakan penulisan sebarang bentuk penerbitan dengan memberi tumpuan kepada penerbitan artikel berwasit berimpak tinggi di kalangan **para penyelidik** dan **pelajar pascaijazah**. Beberapa siri bengkel telah dilaksanakan sepanjang 2019-2020. Peringatan dan pemakluman tentang keperluan untuk mencapai KPI penerbitan juga sentiasa dijalankan melalui emel dan kumpulan WhatsApp setiap jabatan di dalam fakulti. Tumpuan diberikan kepada semua pensyarah terutama yang berada di dalam kelompok 'Denominator Berpotensi' dan pelajar pascaijazah di mana penghasilan artikel di dalam jurnal berwasit merupakan pra-syarat untuk tamat pengajian. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan yang dijalankan secara berkala sentiasa membincangkan langkah-langkah pro-aktif untuk memastikan sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) tercapai. Disamping itu, pelbagai medium digunakan untuk menggalakkan warga FF untuk menyumbang kepada penerbitan artikel berwasit dan meningkatkan sitasi FF. Dengan usaha yang dijalankan impak dari segi penyelidikan dapat dirasai. Ini dapat meningkatkan sitasi para penyelidik FF, sekailgus **menambah skor MyRA UiTM**. Ini akan **memperhebatkan visibiliti para penyelidik** dan **menaikkan penarafan QS dalam subjek** yang akan membawa kepada pengiktirafan komuniti penyelidikan secara global.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Bahagian 7.1.2_FARMASI.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Bahagian 7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Bahagian 7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Bahagian 7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

GAI (Grant Acquisition Initiative) dirangka untuk menggalakkan permohonan dana penyelidikan antarabangsa/kebangsaan/swasta oleh warga FF menerusi penganjuran beberapa siri bengkel penulisan kertas cadangan penyelidikan. Selain itu, projek ini juga mensasarkan peningkatan kolaborasi penyelidikan dengan penyelidik dari universiti dalam dan luar negara.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perolehan geran merupakan salah satu penunjuk prestasi utama (key performance indicator, KPI) kepada setiap staf akademik yang telah ditetapkan oleh UiTM, sebahagian daripada agenda UiTM. Sebagai sebuah Fakulti Penyelidikan, FF telah menggariskan bahawa setiap pensyarah perlu memenuhi KPI universiti sebagai Penyelidik Utama dalam sesebuah geran penyelidikan samada geran dalaman, swasta, industry, kebangsaan mahupun antarabangsa. Untuk memastikan KPI ini tercapai maka, projek **GAI** telah dirangka untuk memastikan peritus kadar kejayaan para penyelidik FF mendapatkan geran-geran penyelidikan tersebut sangat tinggi. Beberapa siri bengkel penulisan kertas cadangan penyelidikan untuk mendapatkan geran antarabangsa/kebangsaan/swasta dengan kerjasama rakan dari universiti dalam dan luar negara telah dilaksanakan sepanjang 2019-2020. Bengkel-bengkel yang diadakan diterajui oleh pensyarah-pensyarah daripada FF sendiri seperti Profesor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed dan Profesor Dr Kalavathy Ramasamy. Tidak lupa juga beberapa jemputan dari kalangan penyelidik berpengalaman. Peringatan dan pemakluman tentang keperluan untuk mencapai KPI penerbitan juga sentiasa dijalankan melalui emel dan kumpulan WhatsApp setiap jabatan di dalam fakulti. Tumpuan diberikan kepada semua **pensyarah terutama yang berada di dalam kelompok 'Denominator Berpotensi' dan yang baharu sahaja kembali bertugas selepas memperolehi PhD. Staf sokongan** seperti Pegawai Sains dan Pegawai Penyelidik serta yang terlibat dengan urusan penyelidikan juga turut serta dalam membantu usaha ini. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan yang dijalankan secara berkala sentiasa membincangkan langkah-langkah pro-aktif untuk memastikan sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) tercapai. Inisiatif ini dapat **membangunkan modal insan, meningkatkan kolaborasi para penyelidik FF dan mengeratkan hubungan antara universiti di dalam dan luar negara.** Ini akan sekailigus **menambah skor MyRA UiTM** di samping **memperhebatkan visibiliti** para penyelidik yang akan membawa kepada **pengiktirafan komuniti penyelidikan secara global.**

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Bahagian 7.2.2_FARMASI.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Bahagian 7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Bahagian 7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Bahagian 7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Global Recognition and Academic Talent (GRaT) adalah salah satu inisiatif untuk memastikan kenampakan dan ketrampilan penyelidik di fakulti bagi membuka ruang untuk jalinan kerjasama dengan penyelidik di dalam dan luar negara.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tujuan projek **GRaT** dijalankan adalah untuk menjalin hubungan erat dengan rakan kolaborasi bagi menghasilkan penerbitan dan perolehan geran dimasa hadapan. Ianya juga dapat meningkatkan reputasi akademik dan majikan serta meningkatkan sitasi penerbitan dalam meningkatkan penarafan QS Universiti dalam subjek Farmasi dan Farmakologi. Program ini telah melibatkan staf akademik FF dan rakan-rakan universiti antarabangsa yang mempunyai MoU/MoA/Lol aktif atau akan ditandatangani dalam masa terdekat. Antara kerjasama yang telah diadakan adalah dalam penganjuran seminar dan persidangan bersama rakan university antarabangsa dan penglibatan rakan university sebagai *advisory board member* bagi journal fakulti iaitu *International Journal of Pharmaceuticals, Nutraceuticals and Cosmetic Science (IJPNaCS)*. Selain daripada itu, pembangunkan profil bagi staf akademik bagi mempromosikan bidang-bidang kepakaran bagi kolaborasi dengan rakan universiti yang mempunyai MoU bersama UiTM telah diwujudkan dilaman web fakulti. Persidangan bersama iaitu *4th Asian Pharmaceutical Conference (AsiaPharm)* and *1st Journal of Pharmaceutical Policy and Practice (JoPPP)* telah dianjurkan oleh Fakulti Farmasi UiTM bertempat di Concorde Hotel, Shah Alam pada 28- 29 Ogos 2019. Persidangan ini telah disertai oleh 67 peserta luar negara dari 28 institusi terkemuka dari luar negara. Konferensi bersama ini telah berjaya meningkatkan jaringan kolaborasi antara profesional di dalam bidang farmasi praktis, menggalakkan pertukaran idea, serta menggalakan kerjasama penyelidikan dan membentuk ikatan kerjasama jangka masa panjang antara rakan dalam dan luar negara. Selain daripada itu, *International Research Network Initiative (IRNI) 2020*, telah dijalankan secara atas talian pada 2 Disember 2020 yang telah dihadiri oleh rakan universiti yang mempunyai MoU atau dalam proses menandatangani MOU iaitu Universiti Gajah Mada (UGM) Indonesia, Institut Teknologi Bandung (ITB) Indonesia, University of Santo Tomas (UST) Philippines, dan Mahidol University (MU) Thailand. Profil staf akademik fakulti farmasi dalam bentuk flipbook bagi tujuan kolaborasi dalam pelbagai bidang telah diedarkan kepada peserta IRNI dan kini boleh diperolehi pada laman web fakulti farmasi. Pelancaran Jurnal Fakulti Farmasi iaitu IJPNaCS telah berjaya dikeluarkan pada bulan June 2020 setelah mendapat kelulusan dari Perpustakaan Negara Malaysia bagi memperolehi International Standard Serial Number (e-ISSN) pada 13 Mei 2019. Penubuhan journal ini adalah bertujuan menghasilkan penerbitan artikel dan edisi khas bagi persidangan dengan rakan universiti antarabangsa dalam bidang farmasi bagi membolehkan kolaborasi dan penyebaran ilmu. Hasil inisiatif akan sekailigus **menambah skor MyRA UiTM dan penarafan QS bagi subjek Farmasi dan Farmakologi** di samping **memperhebatkan visibiliti** para penyelidik yang akan membawa kepada **pengiktirafan komuniti penyelidikan secara global**.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.3.2 TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.3.3 Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.3.4 PERBANDINGAN_TANDA ARAS.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [7.3.5 Kepentingan.pdf](#)